

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Pertama
Sidang Akademik 1999/2000

September 1999

SAW211 - Perhubungan Industri

Masa: [3 jam]

Sila pastikan bahawa kertas peperiksaan ini mengandungi DUA muka surat yang bercetak sebelum anda memulakan peperiksaan ini.

Jawab TIGA (3) soalan sahaja. Bahagian A adalah WAJIB dijawab dan pilih DUA (2) soalan dari Bahagian B

Bahagian A: Wajib dijawab

1. Apakah faktor-faktor yang menyebabkan resesi pada tahun 1997 sehingga kini? Sejauhmanakah ianya berbeza dari resesi 1985? Bagi resesi ini apakah kesan-kesannya ke atas masyarakat amnya, para pekerja dan pasaran buruh? Apakah tindakan yang telah diambil oleh kerajaan dan kesatuan sekerja untuk membantu pekerja-pekerja yang terlibat (termasuk pekerja asing)? Beri cadangan anda untuk membantu para pekerja.

(40 markah)

Bahagian B: Jawab DUA (2) soalan sahaja

2. Apakah dimaksudkan dengan konsep Pengasingan (Alienation) dan mengapa ia wujud dalam tempat kerja dan masyarakat industri? Adakah perkara ini dapat diatasi dan sebutkan cadangan yang telah dibuat oleh para sosiologis. Beri cadangan anda untuk mengurangkan pengasingan di tempat kerja.

(30 markah)

3. Perhubungan Industri (Industrial Relations) melebihi peraturan kerja di tempat kerja. Apakah yang dimaksudkan yang ianya lebih luas? Buat bandingan Perhubungan Industri di Malaysia dengan sebuah negara lain yang maju (ini termasuklah Australia dan Jepun). Yang manakah lebih bermanfaat bagi pekerja dan kesatuan sekerja?

(30 markah)

3. Dari Film “We are Driven”, apakah yang anda dapat pelajari mengenai kesatuan dalaman? Bagaimanakah wujudnya kesatuan dalam di Malaysia? Beri kesan-kesan kesatuan dalam ke atas pergerakan kesatuan dan perpaduan pekerja di Malaysia.

(30 markah)

4. Terangkan maksud “Budaya Kerja” dan kegunaannya di dalam organisasi kerja. Bagaimanakah syarikat Amerika dan Jepun cuba menyesuaikan budaya kerja mereka dengan pekerja kita yang datang dari budaya Malaysia? Analisis anda perlu mengandungi contoh-contoh yang sesuai.

(30 markah)

5. Sektor perkhidmatan banyak yang telah diswastakan. Apakah manfaat dan kesusahan yang wujud dengan pengswastaan ini? Beri masalah keselamatan dan kesihatan yang dihadapi oleh pekerja-pekerja di dalam sektor perkhidmatan.

(30 markah)